



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
29 September 2023**

ASM 3 ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 4.50 SEN SEUNIT

Pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM681.96 juta, memanfaatkan lebih daripada 560,000 pemegang unit.

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2023.
- ASM 3 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM681.96 juta yang memanfaatkan 563,460 pemegang unit yang kini memiliki 15.2 bilion unit. Sehingga 26 September 2023, dana ini mencatatkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM653.88 juta.
- Pengagihan pendapatan sebanyak 4.50 sen seunit mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12 Bulan Maybank pada paras 2.86% iaitu sebanyak 164 mata asas bagi tahun kewangan sehingga 27 September 2023.

Kuala Lumpur, 29 September 2023: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2023.

ASM 3 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM681.96 juta yang akan memanfaatkan 563,460 pemegang unit yang kini memiliki 15.2 bilion unit. Pengagihan pendapatan sebanyak 4.50 sen seunit mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12 Bulan Maybank pada paras 2.86% sebanyak 164 mata asas bagi tahun kewangan sehingga 27 September 2023.

Pendapatan untuk ASM 3 diperoleh daripada keuntungan yang direalisasikan, dividen, serta pendapatan lain daripada pelaburan domestik dan antarabangsa. ASM 3 merekodkan RM653.88 juta pendapatan bersih terealisasi. Dana tersebut juga meneruskan strategi kepelbagaianya sementara pasaran ekuiti tempatan mendapat manfaat daripada lonjakan keyakinan oleh pelabur asing dan pasaran global mengalami pulangan positif daripada revolusi AI generatif.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASM 3 adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan oleh ASM 3 akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Oktober 2023.

Urus niaga ASM 3 di semua cawangan dan ejen ASNB, termasuk semua saluran dalam talian dan perbankan internet, telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 27 hingga 30 September 2023. Pemegang unit boleh melakukan semula urus niaga di portal myASNB (www.myasnb.com.my), atau melalui aplikasi mudah alih myASNB pada 1 Oktober 2023, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara bermula 2 Oktober 2023.

-Tamat-

About Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 276 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)

ASM 3 ialah dana harga tetap yang dilancarkan pada 5 Ogos 2009. Ia adalah dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang mempunyai jangka masa pelaburan dari jangka sederhana hingga jangka panjang, memahami hubungan kait antara risiko dan pulangan, serta mengharapkan pendapatan tetap (jika ada) untuk pelaburan mereka.

Issued by Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2023
DANA HARGA TETAP



ASM 3

**JUMLAH PEMBAYARAN
PENGAGIHAN**

RM681.96
juta

**JUMLAH
PENGAGIHAN**

4.50
sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 dan Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.